

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan menanggung segala kos pembelajaran kelas komputer bagi pelajar-pelajar sekolah rendah di mana pelajar-pelajar perlu membayar kos tersebut pada masa kini.; dan
- (b) sekiranya kelas komputer tersebut bukan merupakan subjek yang wajib dipelajari, wajarkah kelas tersebut dimasukkan dalam jadual kelas harian dan sekolah membenarkan syarikat swasta memberi perkhidmatan pembelajaran tersebut serta kos tersebut perlu dibiayai oleh pelajar-pelajar sendiri.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk pembelajaran murid melalui pelaksanaan Modul TMK melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) yang dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan dan diajar oleh guru mata pelajaran di

sekolah. Pihak sekolah diberi peruntukan Geran Per Kapita (PCG) bagi tujuan pembelian barang habis guna untuk melaksanakan program tersebut dan KPM tidak mengenakan sebarang pembayaran untuk pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak sekolah boleh melaksanakan kelas komputer melalui penubuhan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah di bawah aktiviti kokurikulum dan boleh dikenakan bayaran berdasarkan surat pekeliling ikhtisas berikut:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 13/2007 Pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan dan Kemudahan di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan; dan
2. Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 8/2000 Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah.

Walau bagaimanapun, kelas komputer ini tidak boleh dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan.

SOALAN (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 MAC 2017 [KHAMIS]

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

SOALAN :

YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan perincian lengkap rancangan perbelanjaan pembangunan (capex) Kerajaan menurut kategori keselamatan, sosial, ekonomi dan pentadbiran am di bawah RMK11 terutama berkaitan infrastruktur, kemudahan awam, pengangkutan, komunikasi, perdagangan dan perindustrian, perumahan, pendidikan dan latihan, kesihatan, pertahanan dan keselamatan dalam negeri

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 disediakan secara *Rolling Plan* (RP) dan disemak secara tahunan. Bagi RP2 (2017), sebanyak RM46,000 juta telah disediakan kepada semua kementerian untuk melaksanakan 4,464 projek pembangunan. Peruntukan ini meliputi 468 projek baru dengan peruntukan sebanyak RM6,660 juta dan 3,996 projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM39,340 juta.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM25,586 juta atau 55.6% diperuntukkan untuk Sektor Ekonomi terutamanya bagi membiayai projek-projek pengangkutan, perdagangan dan perindustrian serta tenaga dan kemudahan awam. Sektor Sosial pula diperuntukkan sebanyak RM12,411 juta atau 27.0% bagi membiayai projek-projek pelajaran dan latihan, kesihatan serta perumahan. Antara projek-projek di bawah sektor ekonomi adalah seperti berikut:

- i. Landasan Berkembar Ipoh – Padang Besar
- ii. Lebuhraya Pan Borneo

- iii. Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan;
- iv. Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay;
- v. Skim Pembedungan Beaufort; dan
- vi. Bekalan Air Raub.

Bagi sektor sosial pula, antara projek yang disenaraikan adalah:

- i. Politeknik Hulu Terengganu;
- ii. Pembinaan Hospital Padang Besar;
- iii. Membina Bangunan Wad Wanita & Kanak-Kanak Dan Multistorey Car Park Hospital Seremban; dan
- iv. Program Perumahan Rakyat Ketereh, Kelantan.

Baki peruntukan sebanyak RM8,002 juta diperuntukkan bagi Sektor Keselamatan dan Sektor Pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

16 Mac 2017